

Newspaper	Utusan Melayu
Date	08/08/2017

Kementerian Kewangan, MITI perlu siasat Dr. M

Oleh **MOHD. RAFIE AZIMI**

rafie.azimi@utusan.com.my

ALOR SETAR 7 Ogos - Bukan sahaja Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), malah Kementerian Kewangan serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) juga digesa membuat penilaian dan semakin terhadap urusan perniagaan dilakukan keluarga Tun Dr. Mahathir Mohamad sepanjang pemerintahannya.

Ketua Pemuda UMNO Kedah, **Datuk Shaiful Hazizy Zainol Abidin** berkata, tindakan itu perlu dibuat memandangkan perniagaan yang dijalankan oleh anak-anak serta kroni Pengerusi Pakatan Harapan diketuai DAP itu dilihat cukup 'terjaga' di zaman pemerintahannya dulu.

"Mengenai siasatan oleh SPRM pula, itu memang dialu-alukan kerana pada zaman Mahathir dahulu, beliau mempunyai hak dan kuasa eksklusif ke atas Badan Pencegah Rasuah (BPR) yang mana dia mempunyai ruang dan peluang untuk melindungi urusan perniagaan membabitkan pihak tertentu.



SHAIFUL HAZIZY



TAJUL URUS MAT ZAIN

"Tetapi kini SPRM sudah tidak lagi mempunyai sekatan sekali gus mampu berfungsi dengan lebih meluas serta profesional. Maka keterbukaan Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi untuk disiasat jelas menunjukkan jiwa besarnya dan Mahathir serta keluarga pula perlu didesak untuk menyatakan kesediaan sama," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Sementara itu Ketua UMNO Bahagian Padang Serai, **Asmadi Abu Talib** berkata, Mahathir perlu menggunakan peluang tersebut bagi menunjukkan betapa beliau sememangnya seorang

yang bersih seperti dicanang sebelum ini.

"Bagi saya, kalau kita nak lempar tuduhan pada orang, diri sendiri pun kita mesti buktikan bersih. Disebabkan itu, beliau juga harus membuat kenyataan sama yang membenarkan dirinya dan keluarga

disiasat," katanya.

Ketua UMNO Bahagian Merbok, **Datuk Tajul Urus Mat Zain** dalam pada itu menegaskan, langkah kedua-dua pihak untuk disiasat merupakan medan terbaik bagi menegakkan kebenaran.

"Masyarakat perlu ingat, yang menuduh tidak semestinya bersih dan yang dituduh juga tidak semestinya kotor. Maka apabila seseorang itu membuat tuduhan, perlu ada ruang untuk pihak berwajib menyiasat bagi menentukan siapa sebenarnya yang berada di atas landasan kebenaran," katanya.

UM - 8/8/2017 Pg. 6